



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS GALA DINNER
YOUTH EMPOWERMENT FOUNDATION**

6 JULAI 2024

BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ

الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ،

وَالصَّلَاةِ

وَالسَّلَامِ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

أَشْرَفِ

المرسلين و
وعلى آله
وصحبه أجمعين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala

kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama pada malam ini dalam Malam Gala anjuran Youth Empowerment Foundation.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang hadir pada malam ini, khususnya kepada para pelatih di bawah penyeliaan YEF yang telah berjaya menamatkan pengajian dan akan memulakan pengajian di Universiti Awam dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di seluruh negara.
3. Ini adalah pencapaian yang boleh dibanggakan dan perlu kita raikan kerana ianya memberikan impak yang

positif kepada pembangunan modal insan belia, sekali gus dapat memastikan anak-anak muda di Malaysia ini sentiasa berdaya saing dan terus maju ke hadapan.

4. Sekalung syabas dan tahniah kepada YEF kerana sehingga kini masih terus bergerak secara aktif dalam usaha untuk menyokong dan memberdayakan golongan belia,

khususnya mereka yang kurang bernasib baik. Sejak penubuhannya pada 15 tahun yang lalu, YEF telah memainkan peranan yang signifikan dalam memperkasakan komuniti ini melalui peluang dan pembangunan kapasiti yang berterusan.

KERAJAAN BERI FOKUS JELAS KEPADA PEMBANGUNAN SEGMENT BELIA

Para hadirin sekalian,

5. Keutuhan dan kekuatan warga belia akan menentukan masa depan bagi sesebuah negara. Mereka merupakan *the next echelon of our country*. Kata Saidina Ali, jika kamu mahu melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini.

6. Di Malaysia, populasi segmen belia membentuk kira-kira 40% daripada keseluruhan sekitar 34.7 juta populasi penduduk di Malaysia. Kumpulan mereka ini amat signifikan dan perlu

untuk kita beri perhatian dan penekanan.

7. Agak membimbangkan apabila data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Januari 2024 menunjukkan bahawa kadar pengangguran belia dicatatkan pada kadar kira-kira 6% atau *to be exact* berjumlah 439,700 orang.

8. Sehubungan itu, menyedari akan perkara ini, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan memberi fokus penyelesaian jangka panjang melalui aliran TVET. Bulan lalu, YAB

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim juga telah melancarkan Dasar TVET Negara 2030 yang akan memberi hala tuju dan gerak kerja ke arah menyelesaikan isu ini, khususnya isu ketidaksepadanan atau *mismatch* antara pendidikan dan pekerjaan individu.

9. Dengan strategi yang tepat, aliran TVET ini dapat memberikan kemahiran praktikal yang lebih spesifik dan diperlukan dalam industri selain dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan yang majoritinya adalah

dalam kalangan belia dan dalam masa yang sama akan mengurangkan kadar pengangguran mereka.

10. Pelaburan Kerajaan dalam pendidikan TVET ini bukan sahaja akan membantu menangani isu pengangguran dalam kalangan belia, tetapi juga akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi jangka panjang dengan menyediakan tenaga kerja terlatih dan

berdaya saing. Ini boleh menyokong kepada pertumbuhan industri dan ekonomi secara keseluruhannya.

11. Selain dari inisiatif TVET, Kerajaan juga tidak pernah meminggirkan segmen rakyat yang terpenting ini dalam Belanjawan. Pada Belanjawan 2024, Kerajaan MADANI telah menyediakan peruntukan sebanyak RM 393.8 bilion kepada warga belia melalui pelbagai inisiatif termasuklah

untuk menangani isu yang dihadapi seperti pengangguran dan tekanan kos sara hidup.

12. Namun begitu, usaha ini tidak boleh hanya terhenti kepada tindakan oleh Kerajaan semata-mata. Semua pihak, termasuk pihak swasta, individu dan badan-badan bukan kerajaan atau NGO seperti YEF perlu sentiasa bersedia untuk memainkan peranan secara bersama melalui pendekatan

whole-of-nation bersama-sama pihak Kerajaan.

YEF MEMBANTU BELIA KURANG BERNASIB BAIK

Para hadirin sekalian,

13. Pada malam ini kita dapat menyaksikan sendiri kejayaan peranan YEF menyantuni kelompok belia dari kategori asnaf. Tahniah saya ucapkan kepada YEF atas usaha yang sangat murni ini. Berikan tepukan yang gemuruh kepada YEF (tepuhan).

14. YEF telah memberi peluang kepada penerusan pendidikan berkualiti buat mereka yang memerlukan, serta bertindak sebagai penjaga kepada mereka yang tidak mempunyai waris, sehingga mereka menamatkan pelajaran dan mampu berdikari dalam kehidupan.

15. Saya difahamkan, Malam Gala pada hari ini juga diadakan sempena meraikan kejayaan YEF yang telah berjaya menyelia seramai 116 orang pelatih. Dari jumlah tersebut, seramai 76 orang sedang meneruskan pengajian, 40 orang telah menamatkan pengajian dan telah pun bekerja. 7 daripada 40 orang yang telah pun

bekerja itu, saya dimaklumkan sedang berusaha untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan bantuan dan sokongan daripada YEF.

16. Saya juga mengucapkan selamat maju jaya kepada 20 orang pelatih baru yang telah dikenal pasti dari lekatan pelajar SPM 2024 untuk memulakan pengajian mereka di bawah penyeliaan YEF.
17. Kepada anak-anak pelatih YEF, saya ingin tekankan bahawa “Tiada seorang pun yang bermula dengan kesemua kelengkapan yang diperlukan untuk

berjaya”. Namun, aset yang paling berharga dalam diri kita adalah keyakinan diri. Faktor utama adalah perlu bermula dengan diri kita sendiri.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

18. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada kejayaan YEF yang telah berdiri teguh selama 15 tahun dalam ekosistem membantu masyarakat, khususnya anak-anak muda sehingga mereka berjaya dan

harapan saya agar anak-anak ini dapat kembali membantu komuniti. Ini adalah satu kitaran hidup yang perlu kita amalkan untuk kesejahteraan Malaysia secara keseluruhannya. Kepada para penyumbang, teruskan menyumbang kepada masa depan generasi yang lebih baik.

19. **Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sukacita diumumkan bahawa saya telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM 30,000.00 kepada YEF Malaysia bagi program Back to School. Semoga dengan peruntukan ini, pihak YEF dapat mencapai objektif program seperti yang disasarkan.**

20. Saya ingin melihat lebih ramai lagi anak muda, khususnya mereka dalam kategori rentan dapat sama-sama kita bantu ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih baik. Ini lah semangat dan nilai yang perlu ada dalam melahirkan sebuah masyarakat MADANI.

21. Untuk itu, dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Malam Gala Youth Empowerment Foundation Malaysia bagi tahun 2024.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.